PENERANGAN KOLEKSI SEJARAH

SEJARAH AWAL:

1. Seterika pertama kali digunakan oleh tamadun Rom dan Yunani. Orang Yunani menggunakan batu panas untuk melicinkan kain, manakala tamadun Rom menggunakan alat serupa yang dipanggil prelum, iaitu alat pemampat yang menyerupai alat pemerah anggur.
2. Pada abad ke-17, seterika arang ini diperkenalkan di Eropah. Ia direka sebagai kotak logam dengan ruang di dalamnya untuk meletakkan bara arang. Bahagian bawahnya diperbuat daripada logam licin untuk mengelakkan kotoran pada pakaian.

CIRI-CIRI:

1. Diperbuat daripada tembaga dan tembaga digunakan kerana sifatnya yang tahan panas dan memberikan penampilan klasik dengan kilauan emas kemerahan.
2. Pemegang diperbuat daripada kayu untuk melindungi pengguna daripada terkena haba.
3. Mempunyai ruang di bahagian dalam untuk meletakkan arang yang panas.
4. Terdapat lubang kecil di bahagian sisi untuk aliran udara bagi memastikan arang terus membara.

KAEDAH PENGGUNAAN:

1. Arang dimasukkan ke dalam seterika.
2. Setelah cukup panas, seterika digunakan untuk menggosok pakaian.
3. Pengguna perlu berhati-hati supaya abu arang tidak terkena pakaian.

KEADAAN ARTIFAK MASA KINI:

1. Pemegang setertika sudah calar dan warna menjadi sedikit pudar.
2. Bahagian badan seterika sudah berdebu dan warna sedikit pudar namun masih boleh digunakan.

SEJARAH PEMILIKAN ARTIFAK:

1. Seterika tembaga ini adalah hak milik keluarga pengkaji yang telah diwariskan oleh neneknya.
2. Seterika ini telah berusia sekitar 30 tahun dan tidak digunakan pada masa kini kerana zaman sekarang sudah mempunyai seterika yang canggih